

Headline **My Skill 2008**
Date **08. May 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Pendidikan**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **23**
Article Size **33** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



My Skill 2008

Pertandingan My Skill 2008 (Landscape Gardening) berlangsung di Makmal Pengurusan Teknologi Landskap, Fakulti Reka-bentuk dan Senibina Universiti Putra Malaysia, hari ini.

My Skill 2008 khusus bagi pengajar dan jurulatih kemahiran disertai wakil pelbagai agensi termasuk Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Mara, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Program anjuran Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia itu bertujuan memberi pengiktirafan dan meningkatkan daya saing tenaga pengajar awam dan swasta di pusat latihan kemahiran.